Murid membaca petikan dan membuat banding beza antara rakit buluh dan rakit getah.

Menulis

Tradisional dan Moden

Hanif dan datuknya menaiki rakit getah. Datuk berdayung sambil bercerita tentang pengalamannya berakit.

"Dahulu, datuk sering berakit dengan rakit buluh. Datuk membuat rakit dengan batang buluh. Kemudinya daripada sebatang buluh yang panjang. Pada masa itu, jaket dan topi keselamatan mahal harganya. Rakit buluh datuk kurang selamat kerana pernah terlerai setelah ikatannya terputus. Datuk terselamat kerana datuk mahir berenang," cerita datuk.

"Rakit getah ini lebih selamat dan kukuh tetapi harganya mahal. Rakit getah ini juga mudah dikendalikan dengan pendayung. Ayah telah berpesan supaya memakai jaket keselamatan semasa berakit. Aktiviti berakit dengan rakit buluh atau rakit getah ialah aktiviti rekreasi air yang menyeronokkan. Saya sungguh gembira kerana dapat berakit bersama-sama dengan datuk hari ini," kata Hanif.

pendayung

berat

mahal



LIVEWORKSHEETS